

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### PENGENALAN

1. Laporan Awal Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) ini disediakan untuk "**Offsite Storage Facility at Kawasan Perindustrian Bukit Rambai IV, Melaka for Tetuan Sage Promaster Sdn Bhd**" Projek ini secara ringkasnya dipanggil Projek Cadangan (*Proposed Project*) dan istilah ini akan digunakan di dalam laporan ini.
2. Laporan EIA ini disediakan selaras dengan keperluan *Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974* bersama-sama dengan *Jadual Pertama, Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam Sekitar) 2015*. Projek Cadangan dianggap sebagai "Aktiviti yang Ditetapkan" kerana ia dikategorikan di bawah **Aktiviti 14 Perintah EIA: Pengolahan dan Pelupusan Buangan** yang berkaitan dengan **(a) Buangan Terjadual: (iii) Pembinaan Kemudahan Penstoran (Luar Tapak)**
3. Maklumat Penggerak Projek adalah seperti berikut:-

**Sage Promaster Sdn Bhd**

No. 9517, Jalan PBR 19,  
Kawasan Perindustrian Bukit Rambai IV,  
75260 Melaka.

Pegawai Bertanggungjawab : Mr. Afif Hamidi b. Kori, Pengarah  
Telefon : 06 – 351 5799  
Faksimili : 06 – 351 6799

4. **Mentor Enviro Sdn. Bhd.** telah dilantik sebagai Perunding Alam Sekitar untuk Projek Cadangan.

**Mentor Enviro Sdn Bhd**

A-35-1, Level 35, Tower A

Menara UOA Bangsar, Jalan Bangsar Utama 1,

59000 Kuala Lumpur.

Pegawai Bertanggungjawab : Mr. Lau Lai Keat, Pengarah

Telefon : 03 – 2284 2710


Faksimili : 03 – 2284 2175

5. Tapak Projek terletak di Lot 1999 dalam Kawasan Perindustrian Bukit Rambai IV di Bukit Rambai, Melaka dengan koordinat di latitud 2°16'16.84 "N dan longitud 102° 10'51.06" E. Tapak Projek terletak kira-kira 140 km tenggara Kuala Lumpur dan kira-kira 20 km barat laut bandar Melaka. Alamat Projek Cadangan adalah di No 9517-B, Jalan PBR 20, Taman Perindustrian Bukit Rambai, 75250 Melaka.
6. Messrs. Sage Promaster Sdn Bhd merupakan pengeluar *Refuse Derived Fuel (RDF)* yang pertama di Malaysia menggunakan buangan terjadual dan biojisim. *RDF* yang dihasilkan dengan menggabungkan buangan terjadual dengan bahan *relative high calorific value* dan *organic binders*, seperti tandan buah yang kosong dan/atau sisa biojisim lain. Industri *RDF* dipercayai dapat mengurangkan kebergantungan secara beransur-ansur terhadap arang batu dalam industri penjanaan kuasa. ***Berpandukan objektif untuk meningkatkan pengeluaran RDF, Tetuan Sage Promaster Sdn Bhd perlu membina kemudahan penstoran luar tapak yang baru untuk menyimpan bahan-bahan mentah (buangan terjadual) dan produk akhir dengan muatan penyimpanan kira-kira 3,000 MT dan 1,000 MT masing-masing.***
7. Produk *RDF* dihasilkan dengan menggabungkan bahan buangan *relative high calorific value* yang terjadual dengan biojisim melalui proses *briquetting*. Beberapa kategori buangan terjadual untuk disimpan di dalam kawasan

penyimpanan iaitu SW203, SW204, SW303, SW308, SW310, SW321, SW325, SW410, SW416, SW417, SW418 dan SW422 adalah terlibat dalam pembuatan produk *RDF*. Jadual **RE-1** menyenaraikan buangan terjadual yang digunakan sebagai bahan mentah.

**Jadual RE-1: Senarai Buangan Terjadual**

Kod	Penerangan
SW 203	Buangan terjadual tidak boleh bergerak termasuklah enap cemar yang ditetapkan secara kimia, dikapsulkan, dipejalkan atau distabilkan.
SW 204	Enap cemar yang mengandungi satu atau beberapa logam termasuklah kromium, kuprum, nikel, zink, plumbum, cadmium, aluminium, timah, vandanium dan berilium
SW 303	Buangan pelekat atau glu yang mengandungi pelarut organik tidak termasuk bahan polimer pepejal.
SW 308	Enap cemar kapal tangki minyak
SW 310	Enap cemar dari tangki penyimpanan minyak mineral
SW 321	Buangan atau enap cemar getah atau lateks yang mengandungi pelarut organik atau logam berat
SW 325	Buangan resin tidak matang yang mengandungi pelarut organik atau logam berat termasuklah resin epoksi dan resin fenolik
SW 410	Kain buruk, plastic, kertas atau turas yang dicemari dengan buangan terjadual
SW 416	Enap cemar dakwat, cat, pigmen, lakuer, pewarna atau varnis
SW 417	Buangan cemar dakwat, cat, pigmen, lakuer, pewarna atau varnis
SW 418	Produk dakwat, cat, pigmen, lakuer, pewarna atau varnis yang terbuang atau yang tidak mengikut spesifikasi yang mengandungi pelarut organik.
SW 422	Campuran buangan terjadual dan buangan tidak terjadual



**Rajah RE-1: Lokasi Projek Cadangan**

## KEPERLUAN PROJEK

8. Kemudahan penstoran semasa yang telah diluluskan meningkat dari segi jumlah permintaan produk siap serta peningkatan jumlah industri yang berminat untuk menghantar buangan terjadual ke kemudahan ini.
9. Ia juga akan menggalakkan peluang pembangunan industri di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai sebagai kawasan untuk industri sederhana dan berat.
10. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan penstoran *RDF* (buangan terjadual, bahan mentah dan produk akhir) yang mencukupi yang akan

memenuhi keperluan penstoran untuk kedua-dua bahan mentah dan produk siap.

11. Meningkatkan daya maju ekonomi kawasan Bukit Rambai kerana ia kini memegang potensi untuk meningkatkan hasil pulangan kepada negeri Melaka.
12. Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk masyarakat di kawasan Bukit Rambai mahupun Melaka menerusi peningkatan keperluan jumlah pekerja di kemudahan penstoran yang baru berbanding dengan keperluan jumlah pekerja di kemudahan penstoran semasa.

## HURAIAN PROJEK

13. Projek Cadangan akan menyediakan tempat penyimpanan bahan-bahan mentah (buangan terjadual) dan produk akhir dengan muatan penyimpanan kira-kira 3,000 MT dan 1,000 MT masing-masing. Pelan Susun Atur bagi Projek Cadangan ditunjukkan dalam **Rajah RE-2**.
14. Senarai buangan terjadual yang disenaraikan telah dikenalpasti dari segi ketersediaan dan kesesuaian terhadap bahan mentah dengan mengambil kira faktor *calorific value* bahan tersebut:
  - SW203/ SW204 – Buangan terjadual yang tidak boleh bergerak dan enap cemar bahan logam telah digunakan secara meluas dalam industri. Mana-mana kilang yang mempunyai loji rawatan air sisa kebiasaannya mempunyai buangan jenis ini dan ada daripada enap cemar tersebut mempunyai *calorific value* yang tinggi (bergantung kepada jenis industri).
  - SW303 – Penghasilan glu atau pelekat menggunakan bahan kimia yang diolah daripada getah dan kebiasaannya mempunyai *calorific value* yang tinggi.
  - SW308/ SW310 – Enap cemar yang terhasil daripada kapal tangki minyak adalah dalam kuantiti yang besar dan proses pengekstrakan yang teliti akan turut menghasilkan enap cemar yang mempunyai *calorific value* setanding dengan *calorific value* minyak asal. Penyimpanan produk ini

kebiasaannya menyebabkan terhasilnya enap cemar di dalam tangki penyimpanan. Minyak mineral yang terhasil terdiri daripada tiga jenis iaitu *paraffinic oils*, *naphthenic oils*, dan *aromatic oils*. Enap cemar ini terdapat banyak di pesisir dan luar pantai Malaysia.

- SW321 – Buangan berasaskan getah adalah penting disebabkan oleh *calorific value* getah yang tinggi. Pengeluar tayar getah akan menjadi penghasil utama bagi bahan mentah tersebut. Selain daripada itu, pengeluar kimia yang berasaskan getah turut akan menjadi pengeluar kepada buangan tersebut.
- SW325 – Industri yang berasaskan resin juga penting memandangkan enap cemar yang terhasil semasa proses pembuatan merupakan bahan mentah yang berkualiti tinggi dalam penghasilan *RDF*. Selain daripada itu, terdapat banyak industri berasaskan resin di Malaysia yang boleh menyediakan bahan mentah untuk menghasilkan *RDF*.
- SW410 – Kain buruk, plastik dan turas yang dicemari oleh buangan terjadual perlu menjalani proses penyaringan untuk membuang bahan yang lain dimana kebiasaannya bahan tersebut akan dibuang ke dalam tong penyimpanan. Kain buruk tersebut juga boleh menjadi asas yang bagus untuk *RDF*.
- SW416/417 – Industri cat dan automotif akan sentiasa menghasilkan enap cemar berasaskan cat. Pasaran bahan mentah yang besar ini akan menyediakan bahan mentah kepada kilang milik Tetuan Sage Promaster Sdn. Bhd. untuk memastikan kemampuannya.
- SW418 – Dakwat serta dakwat yang tidak mengikut spesifikasi dan buangan cat yang lain.
- SW422 – Bahan buangan terjadual yang bercampur dengan bahan buangan tidak terjadual yang telah disaring teliti juga boleh digunakan dalam penghasilan *RDF*.




Figure ES-2: Pelan Susunatur Projek Cadangan

## PERSEKITARAN SEMASA

15. Projek Cadangan terletak dalam kawasan perindustrian yang ditetapkan iaitu Kawasan Perindustrian Bukit Rambai.
16. Kawasan Perindustrian Bukit Rambai telah diwartakan sebagai kawasan perindustrian kategori industri medium dan berat.
17. Dalam lingkungan 3km dari Tapak Projek Cadangan merangkumi enam (6) mukim iaitu, Mukim Tg. Minyak, Mukim Rembia, Mukim Bertam, Mukim Tangga Batu, Mukim Bukit Rambai dan Mukim Paya Rumput.
18. Gunatanah sekitar Tapak Projek Cadangan adalah ladang getah dan kelapa sawit, kawasan perumahan, kawasan perindustrian dan kawasan komersial.
19. Ringkasan persekitaran semasa Tapak Projek Cadangan dinyatakan dalam jadual dibawah:-

PERKARA	DESKRIPSI
Geologi dan Tanah Tanih	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciri-ciri geologi dalam Tapak Projek Cadangan merupakan <i>pre-quaternary rocks</i>. Jenis geologi pula adalah <i>schist</i>, <i>chert</i> dan <i>conglomerate</i>.</li> <li>• <i>Chert</i> dapat diterangkan seperti sejenis <i>fine-grained microcrystalline</i> yang kaya dengan silika yang mungkin mengandungi fosil kecil, manakala <i>conglomerate</i> merupakan <i>sedimentary rocks</i> yang terdiri daripada serpihan batu yang bulat.</li> <li>• Secara umumnya, pengelasan siri tanah di Tapak Projek Cadangan adalah Melaka-Munchong Durian. Dalam Tapak Projek Cadangan, tanah jenis laterit dari siri tanah Melaka-Munchong Durian banyak dijumpai di kawasan tanah rata.</li> <li>• Batu tongkol dan batu kerikil juga turut dijumpai di</li> </ul>

PERKARA	DESKRIPSI
	permukaan tanah di Tapak Projek Cadangan.
Hidrologi dan Saliran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tapak Projek Cadangan yang berada di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai berada dalam Lembangan atau Tadahan Sungai Melaka dan Tadahan Kecil Sg. Ayer Salak.</li> <li>• Sungai Melaka yang berpunca daripada hilir anak sungai berada di kawasan hutan yang berbukit di Tampin dan Batang Melaka.</li> <li>• Lembangan Sg. Melaka yang berkeluasan 608 km<sup>2</sup> memenuhi bahagian tengah Melaka dan bahagian selatan Negeri Sembilan.</li> <li>• Sg. Ayer Salak berpunca daripada Perladangan Rembia, berada di Barat Laut Tapak Projek Cadangan merupakan salah satu daripada beratus-ratus anak sungai atau Tadahan Kecil dalam Lembangan Sungai Melaka.</li> <li>• Air permukaan yang berpunca daripada Projek Cadangan mengalir ke dalam Sg. Ayer Salak dan anak-anak sungainya. Sg Ayer Salak mengalir ke selatan sebelum memasuki Sg. Seri Melaka. <b>Rajah ES-3</b> menunjukkan hidrologi dalam lingkungan Tapak Projek Cadangan.</li> </ul>
Meteorologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Data meteorologi tahun 2006-2015 diperolehi daripada Stesen Melaka (No. Stesen: 48665) yang mempunyai latitud N 2° 16' , longitud of E 102° 15' and ketinggian 8.5 m diatas paras laut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Batu Berendam kira-kira 8km dari Tapak Projek.</li> <li>• Daripada data yang diperolehi, ia menunjukkan :- <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tahun 2015 merekodkan jumlah hujan keseluruhan tertinggi sepanjang tempoh persampelan 10 tahun dengan jumlah hujan tahunan sebanyak 2,324 mm.</li> <li>- Purata suhu bulanan 24 jam bagi setiap bulan adalah di antara 26.7 ° C hingga 28.3 ° C.</li> <li>- Kelembapan relatif purata 24jam tahunan adalah</li> </ul> </li> </ul>


PERKARA	DESKRIPSI
	<p>sebanyak 80.4%.</p>
Kualiti Air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dua (2) lokasi persampelan air telah diambil untuk dianalisis dimana satu sampel merupakan titik pelepasan dari kolam tadahan (<b>W1</b>) dan satu sampel daripada Sg. Ayer Salak (<b>W2</b>).</li> <li>• Keputusan analisis air akan dibandingkan dengan had parameter dalam Jadual Lima dan Lapan daripada Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 (Standad B).</li> </ul>
Kualiti Udara Ambien	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persampelan kualiti udara dijalankan di empat (4) lokasi iaitu <b>A1 – A4</b>.</li> <li>• Parameter yang dianalisis adalah Jumlah Zarah Terampai (TSP), Sulfur Dioksida (SO<sub>2</sub>), Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>), <i>Volatile Organic Compounds</i> (VOC), <i>Heavy Metals</i> (As, Cd, Pb, Hg, Cu, Al, Cr dan Se) dan juga kelajuan angin dan arah angin.</li> <li>• Kualiti udara yang dianalisis akan dibandingkan dengan <i>Recommended Malaysian Air Quality Guideline</i>.</li> </ul>
Paras Bunyi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persampelan paras bunyi akan dijalankan di empat (4) lokasi : <b>N1-N4</b>.</li> <li>• Tiga parameter yang dipantau adalah LAeq, Lmin dan Lmax dimana paras bunyi diukur pada siang hari dan malam untuk tempoh 24 jam.</li> <li>• Keputusan paras bunyi akan dibandingkan dengan <i>Schedule 1: Maximum Permissible Sound Level (LAeq) by Receiving Land Use for Planning and New Development – Designated Industrial Zone</i>.</li> </ul>
Aspek sosio-ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bukit Rambai berada dibawah pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).</li> <li>• Berdasarkan Jabatan Statistik Malaysia, pada tahun 2010, penduduk dalam kawasan Bukit Rambai adalah 316, dengan</li> </ul>

PERKARA	DESKRIPSI
	<p>166 lelaki dan 150 perempuan. Terdapat 76 isi rumah dan 90 tempat kediaman di Bukit Rambai pada tahun 2010.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan etnik yang paling menonjol dalam Bukit Rambai adalah Cina dengan 231 diikuti dengan Melayu (65), 16 warga asing dan 4 orang di bawah kategori 'Lain-lain'.</li> <li>• Penduduk dalam kategori ekonomi yang aktif berada dalam julat umur dari 15 hingga 64 tahun merupakan 57.28% daripada penduduk di kawasan kajian.</li> <li>• Tenaga buruh di kawasan pentadbiran MBMB dijangka akan meningkat kepada 305,229 orang pada tahun 2010, menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka (2002).</li> <li>• Sektor dijangka mempunyai yang pekerja paling ramai merupakan sektor pembuatan (28.6%) dan perniagaan (27.9%).</li> </ul>
<p>Guna tanah Persekitaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan Projek Cadangan dikelilingi dengan kilang-kilang dan gudang yang terdapat dalam Kawasan Perindustrian Bukit Rambai; dan kawasan perumahan.</li> <li>• Gunatanah sedia ada dalam 3km Zon Impak dibahagikan kepada empat (4) sub-zon yang dirujuk sebagai <i>Northwest Quadrant</i> (NWQ), <i>Southeast Quadrant</i> (SEQ), <i>Southwest Quadrant</i> (SWQ) dan <i>Northeast Quadrant</i> (NEQ) sebagai yang ditunjukkan dalam <b>Rajah ES-4</b>.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>(a) Northeast Quadrant (NEQ)</b></p> <p style="text-align: center;">(i) Kawasan Perindustrian</p> <p>Kawasan Perindustrian Bukit Rambai kebanyakannya terletak di dalam Northeast Quadrant (NEQ). Aktiviti perindustrian terdiri daripada industri sederhana dan berat, seperti bengkel, industri</p>


PERKARA	DESKRIPSI
	<p>perabot dan gudang.</p> <p>(ii) Kawasan Perumahan Kebanyakan kawasan perumahan terdiri daripada rumah kampung tradisional, rumah teres satu tingkat, rumah teres dua tingkat, banglo, rumah berkembar satu dan dua tingkat. Kawasan industri dan kawasan perumahan dalam kuadran ini dipisahkan oleh hutan sekunder.</p> <p>(iii) Lain-lain Tapak Perladangan Chan Cheng Siew terletak dalam kuadran ini. Kemudahan -kemudahan awam seperti sekolah, balai polis, masjid juga berada dalam kuadran ini. Jalan Negeri M136 turut terletak dalam kuadran ini.</p> <p><b>(b) Southeast Quadrant (SEQ)</b></p> <p>(i) Kawasan Perumahan Kebanyakan kawasan kediaman yang terletak dalam kuadran ini adalah kawasan perumahan yang terdiri daripada rumah tradisional kampung, rumah teres satu tingkat, rumah teres dua tingkat dan rumah satu dan dua tingkat berkembar. Terdapat kira-kira 100 hingga 200 rumah dalam satu kawasan perumahan diperhatikan semasa kajian gunatanah dijalankan.</p> <p>(ii) Ciri-Ciri Dan Lain-Lain Guna Tanah Kawasan Perindustrian Bukit Rambai terletak dalam kuadran ini. Kemudahan dan kemudahan awam seperti sekolah, masjid, kuil, bank-bank dan kedai terletak di kuadran. Jalan Negeri M4, M6 dan M9 juga terletak dalam kuadran ini. Jalan Negeri M9 menghubungkan Jalan Persekutuan 5 ke Tapak Projek.</p>

PERKARA	DESKRIPSI
	<p data-bbox="568 309 1038 342"><b>(c) Southwest Quadrant (SWQ)</b></p> <p data-bbox="568 416 914 450">(i) Kawasan Perumahan</p> <p data-bbox="472 472 1407 725">Dalam kajian gunatanah, beberapa buah kampung dapat diperhatikan dalam kuadran ini. Kg. Paya Mengkuang, Kg. Tangga Batu dan Kg. Ayer Salak terdiri daripada kurang daripada 100 rumah-rumah kampung campuran batu-kayu yang bertaburan di dalam kawasan ini dan di sepanjang jalan utama.</p> <p data-bbox="568 799 1118 833">(ii) Ciri-Ciri Dan Lain-Lain Guna Tanah</p> <p data-bbox="472 855 1407 1167">Jalan Negeri M4, M9 dan M11 terletak di dalam kuadran ini. Kawasan tumbuh-tumbuhan yang ditanam dengan sayur-sayuran dan hutan sekunder turut diperhatikan dalam kuadran ini. Sekolah Menengah Tangga Batu turut terletak di kuadran ini. Kawasan Perindustrian Bukit Rambai juga terletak dalam kuadran SWQ ini.</p> <p data-bbox="568 1240 1038 1274"><b>(d) Northwest Quadrant (NWQ)</b></p> <p data-bbox="568 1348 914 1382">(i) Kawasan Perumahan</p> <p data-bbox="472 1404 1407 1554">Kg. Ayer Salak dan Kg. Paya Rumput adalah diantara kampung yang terletak di kuadran ini manakala Taman Seri Bertam adalah kawasan perumahan yang terletak di kuadran ini.</p> <p data-bbox="568 1628 1118 1662">(ii) Ciri-Ciri Dan Lain-Lain Guna Tanah</p> <p data-bbox="472 1684 1407 1995">Jalan Negeri M9 terletak pada kuadran ini bergabung dengan Jalan Negeri M136 di utara. Perladangan getah dan kelapa sawit seperti Perladangan Melaka, Perladangan Rembia dan Perladangan Chan Cheng Siew terletak dalam kuadran ini. Sg. Ayer Salak yang berpunca dari Perladangan Rembia turut terletak di kuadran ini.</p>

EIA for the Proposed "Offsite Storage Facility at Kawasan Perindustrian Bukit Rambai IV, Melaka for Tetuan Sage Promaster Sdn Bhd"



Rajah RE-3: Hidrologi Dalam Lingkungan Tapak Projek Cadangan



Rajah RE-4: Gunatanah Dalam Lingkungan 3km dari Tapak Projek Cadangan diatas Pelan Topografi

## PENCEGAHAN PENCEMARAN DAN LANGKAH-LANGKAH TEBATAN (P2M2)

20. Potensi impak yang ketara, magnitud dan P2M2 semasa pra-pembinaan, pembinaan dan fasa operasi diringkaskan dalam **Bab 1**.

## PEMANTAUAN PRESTASI (PM) PROGRAM DAN PEMANTAUAN PEMATUHAN (CM) UNTUK LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN PENCEMARAN DAN TEBATAN (P2M2)

21. Perkara-perkara yang termasuk dalam program PM disenaraikan seperti di bawah:-

Bil	Perkara Pemantauan Prestasi	Catatan	Frekuensi
1.	Air hujan dan air larian permukaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air hujan dan air larian permukaan yang berpunca daripada kemudahan penstoran luar akan disalurkan ke sistem saliran yang sedia ada.</li> </ul>	Bila berlaku hujan
2.	Bahan Api, Gris, Kemudahan Penyimpanan Minyak Enjin	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahan api, gris, kemudahan penyimpanan minyak enjin perlulah bertutup dan ditempatkan secara berhati-hati untuk mengelakkan berlakunya pencemaran air permukaan.</li> </ul>	Harian
3.	<i>Spoil Management Area (Disposal Area)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tong <i>RORO</i> akan diletakkan dalam Tapak Projek Cadangan, sebaiknya berdekatan dengan tempat masuk dan keluar Tapak Projek untuk menyenangkan proses kutipan sampah oleh Kontraktor yang dilantik.</li> </ul>	Jika Perlu

Bil	Perkara Pemantauan Prestasi	Catatan	Frekuensi
4.	Pembebasan asap kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua kenderaan yang masuk ke dalam Tapak Projek perlulah diselenggara dengan baik untuk memastikan ia dalam keadaan yang bagus.</li> </ul>	Jika perlu
5.	Punca bunyi daripada jentera dan kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kenderaan dan jentera (contohnya lori) yang kebiasaannya bergerak sekali-sekala perlulah dimatikan enjin atau dibawa dengan perlahan.</li> </ul>	Jika perlu

### PROGRAM PEMATUHAN PEMANTAUAN (CM)

22. Pemantauan Pematuhan (CM) dilakukan untuk memastikan bahawa pelepasan dari Tapak Projek Cadangan mematuhi piawaian. Ini adalah untuk melindungi pelepasan daripada Tapak Projek Cadangan daripada mencemarkan persekitaran. Item untuk CM ialah kualiti udara ambien dan tahap bunyi di mana had setiap parameter pemantauan mesti memenuhi had yang dibenarkan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

### IMPAK PROGRAM PEMANTAUAN (IM)

23. Komponen IM dipaparkan seperti bawah:-

Lokasi Pemantauan	Koordinat	Parameter	Penerangan
W1	02° 16' 18.28" N 102° 11' 10.29" E	Suhu pH Jumlah Pepejal	Titik Pelepasan daripada Kolam Tadahan

Lokasi Pemantauan	Koordinat	Parameter	Penerangan
W2	02° 15' 44.71" N 102° 10' 54.85" E	Terampai <i>Biochemical Oxygen Demand (BOD)</i> <i>Chemical Oxygen Demand (COD)</i> Minyak & Gris <i>Mercury (Hg)</i> <i>Cadmium (Cd)</i> <i>Chromium, Hexavalent (Cr)</i> <i>Copper (Cu)</i> <i>Arsenic (Ar)</i> <i>Cyanide (Cn)</i> <i>Lead (Pb)</i> <i>Chromium, Trivalent (Cr3+)</i> <i>Manganese (Mn)</i> <i>Nickel (Ni)</i> <i>Tin (Sn)</i> <i>Zinc (Zn)</i> <i>Boron (B)</i> <i>Iron (Fe)</i> <i>Silver (Ag)</i> <i>Aluminium (Al)</i> <i>Selenium (Se)</i> <i>Barium (Ba)</i> <i>Fluoride (F)</i> Formaldehyde Phenol Free Chlorine (Cl <sub>2</sub> ) Sulphide	Hilir daripada Tapak Projek di Sg. Ayer Salak

Lokasi Pemantauan	Koordinat	Parameter	Penerangan
		<i>Ammoniacal Nitrogen (NH<sub>3</sub>-N)</i> <i>Color (pH Natural)</i> <i>Colour (pH adjusted to 7.6)</i>	
<b>A1</b>	02° 16' 17.9" N 102° 10' 46.6" E	Jumlah Zarah Terampai <i>PM<sub>10</sub></i> <i>SO<sub>2</sub></i> <i>NO<sub>2</sub></i> <i>VOC</i> <i>Arsenic</i> <i>Cadmium</i> <i>Copper</i> <i>Chromium</i> <i>Lead</i> <i>Mercury</i> <i>Selenium</i> <i>Aluminium</i>	Tapak Projek
<b>A2</b>	2° 16' 19.70" N 102° 10' 5.09" E		Kg. Ayer Salak
<b>A3</b>	02° 15' 42.5" N 102° 10' 38.8" E		Taman Rambai Indah
<b>A4</b>	02° 15' 51.6" N 102° 11' 14.1" E		Taman Rambai Jaya
<b>N1</b>	02° 16' 17.9" N 102° 10' 46.6" E	LAeq LAmax LAmin	Tapak Projek
<b>N2</b>	2° 16' 19.70" N 102° 10' 5.09" E		Kg. Ayer Salak
<b>N3</b>	02° 15' 42.5" N 102° 10' 38.8" E		Taman Rambai Indah
<b>N4</b>	02° 15' 51.6" N 102° 11' 14.1" E		Taman Rambai Jaya